

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2016

**USUL MENGGESA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG MEMATUHI DASAR 1
PERATUS PENYERTAAN ORANG KURANG UPAYA DALAM SEKTOR AWAM**

Akta Orang Kurang Upaya 2008 mengiktiraf kepentingan kerjasama kerajaan, sector swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam memastikan penyertaan penuh yang berkesan serta penglibatan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam masyarakat. Dalam memastikan OKU mendapat peluang sama rata dalam bidang pekerjaan, Seksyen 29, Akta OKU 2008 menekankan kepentingan akses kepada pekerjaan dalam kalangan OKU. Kerajaan Persekutuan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.10/1988 telah memperuntukkan kuota 1% jawatan di sektor awam untuk OKU. Dasar ini diperkemas lagi melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.3/2008 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil.16/2010. Namun malangnya, sehingga kini dasar ini masih belum dapat dipenuhi di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan negeri dan pihak-pihak Berkuasa Tempatan.

Justeru itu, usul menggesa kerajaan negeri Pulau Pinang mengambil langkah yang proaktif bagi menempatkan OKU berkhidmat sebagai kakitangan awam di agensi-agensi kerajaan di bawah kerajaan negeri dan turut sama melibatkan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Kerajaan negeri juga digesa untuk mengemas kini statistik pekerja OKU yang sedang berkhidmat dengan agensi-agensi di bawah kerajaan negeri dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan negeri bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan dasar ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

Muhammad Zaid Harith Abdullah
Ahli Sidang Muda 2016